



THE MUZIUM MARIN MARINE MUSEUM



URATAN MUZIUM MALAYSIA
DEPARTMENT OF MUSEUM MALAYSIA



WE ♥ LABUAN

MUZIAM MARIN LABUAN
LABUAN MARINE MUSEUM

1 PENGENALAN INTRODUCTION

Muzium Marin Labuan memaparkan kekayaan hidupan marin di perairan Borneo amnya dan Labuan khususnya. Matlamat utama penubuhannya adalah untuk memupuk kesedaran dan perasaan sayang masyarakat kepada khazanah warisan alam agar kekal untuk dinikmati generasi akan datang.

Muzium Marin Labuan terletak di sebuah bangunan dua tingkat dengan reka bentuk berkonsepkan kapal di dalam Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Muzium ini telah dibuka secara rasmi pada 26 Januari 2003.

The Labuan Marine Museum displays the richness of marine life in Borneo waters particularly Labuan. Its main objective is to promote awareness and love for our natural heritage so that this can be preserved for the continued enjoyment by future generations.

The Labuan Marine Museum is housed at the International Sea Sport Complex in a two-storey building designed in the shape of a ship. The museum was officially opened on January 26, 2003.





2 **TARIKAN BERHAMPIRAN** NEARBY ATTRACTION

- Menara Jam Labuan
- Pantai Tanjung Purun
- Taman Botanical Labuan
- Perkuburan Perang Dunia II
- Medan Selera

- *Labuan Clock Tower*
- *Tanjung Purun Beach*
- *Labuan Botanical Garden*
- *World War II Burial*
- *Food Court*



3 KOLEKSI COLLECTIONS

Muzium Marin Labuan memperagakan 572 koleksi spesimen marin dan bahan kontemporari seperti peralatan memancing, menyelam dan peralatan oceanografi. Tarikan istimewa Muzium Marin Labuan ialah pameran tulang seekor anak paus Indian Fin sepanjang 42 kaki yang berusia 100 tahun serta seekor dugong yang telah diawet. Haiwan ini dijumpai terdampar di Pulau Papan, salah sebuah pulau kecil di perairan Wilayah Persekutuan Labuan.

The Labuan Marine Museum features a collection comprising 572 marine specimens and contemporary items such as fishing, diving and oceanography equipment. The museum's main attraction is the 100 years old skeleton of a baby Indian Fin Whale, which is 42 feet long and a preserved Dugong. This marine mammal was found stranded on Papan Island, one of the small islands off the coast of the Federal Territory of Labuan.



4 GALERI GALLERY

Galeri aras bawah muzium ini dibahagikan kepada empat seksyen pameran, iaitu Seksyen Hidupan Marin, Seksyen Maklumat Kapal Karam, Seksyen Terumbu Karang serta Seksyen Paya Bakau yang memaparkan habitat di kawasan paya bakau yang diperagakan dalam bentuk diorama. Galeri ini menempatkan 14 buah akuarium pelbagai saiz dan satu kolam sentuh (touch pool) yang memberikan peluang kepada pengunjung menyentuh pelbagai hidupan marin.

Galeri aras atas mempamerkan maklumat pelbagai spesies hidupan marin, peralatan memancing ikan tradisional dan moden serta peralatan menyelam. Terdapat juga empat buah akuarium yang mempamerkan hidupan batu karang dan dua buah sudut bacaan untuk kemudahan pengunjung.

The ground floor gallery is divided into four sections; Marine Life; Shipwreck; Reef; and the Mangrove section that features habitats found in mangrove areas showcased in the form of a diorama. This gallery houses 14 aquariums of varying sizes and a 'touch pool' that offers visitors the opportunity to touch all kinds of marine life.

The upper floor features the habitats of various ocean species, traditional and modern fishing equipment and traps as well as diving gear. There are also four aquariums showcasing coral life and two reading corners for public.





HARI DAN MASA LAWATAN *VISITING HOURS*

9.00 pagi hingga 5.00 petang
(Pelawat terakhir masuk pukul 4.30 petang)

Muzium ditutup pada:

- Setiap hari Isnin pertama setiap bulan.
- Hari pertama dan kedua Hari Raya Aidilfitri
- Hari pertama Hari Raya Aidiladha

Daily 9.00am to 5.00pm
(Last admission at 4.30pm)

Museum is closed on:

- *The first Monday of each month*
- *First and second day of Aidilfitri*
- *First day of Aidiladha*

ALAMAT *ADDRESS*

Muzium Marin Labuan
Jabatan Muzium Malaysia
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Malaysia,
Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan,
Jalan Tanjung Purun,
87008 Wilayah Persekutuan Labuan
Tel : 087- 425927 / 414135

<https://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-marin-labuan>

PETA LOKASI

LOCATION MAP



JABATAN MUZIUM MALAYSIA
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur
Tel. : 03 - 2267 1000 Fax : 03 - 2284 9130

Sila kembalikan risalah ini jika tidak memerlukannya
Please return this leaflet if you have no further use